

UPM terima 2,010 pelajar baru sesi 2009/2010

KUALA LUMPUR 21 Ogos – Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima kemasukan 2,010 pelajar baru di peringkat pengajian siswazah semester pertama bagi sesi 2009/2010.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, jumlah itu merangkumi pelajar program sarjana dan Doktor Falsafah (PhD).

Katanya, dengan kemasukan baru berkenaan, pelajar pengajian siswazah di UPM kini berjumlah 8,585 orang.

“Ini adalah petunjuk yang baik bahawa UPM menjadi universiti pilihan pengajian lepasan ijazah serta bagi mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

“Setiap pelajar harus mempertahankan status UPM sebagai universiti penyelidikan dengan menyumbangkan penerbitan berkualiti, pengkomersialan produk penyelidikan dan penerimaan geran,” katanya.

Beliau berucap pada majlis bacaan ikrar pelajar siswazah semester pertama sesi 2009/2010 di Dewan Banquet UPM di Serdang dekat sini semalam.

Antara yang mengikuti bacaan ikrar ialah satu-satunya pelajar orang kurang upaya (OKU) yang mengikuti pengajian peringkat sarjana, Nurul

Atikah Salim, 22.

Dia yang cacat kedua-dua belah kaki sejak lahir bagaimanapun masih mampu berjalan.

“Saya tidak anggap kecacatan saya sebagai halangan, malah ia memberi semangat dan dorongan untuk berusaha lebih gigih bagi membuktikan keupayaan mencari ilmu di peringkat tertinggi.

“Sebenarnya, saya telah merancang dari awal untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana, tidak mustahil suatu hari nanti saya akan melanjutkan pelajaran di peringkat PhD pula,” katanya yang mengambil Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA).

Turut mengambil MBA ialah dua beradik iaitu Yong Hua Long, 32, dan adiknya, Anne Yong Ing Ing, 23, dari Sibul, Sarawak.

“Setelah mempunyai ijazah sarjana muda, kami sambung pula ke peringkat sarjana, kami ingin buktikan bahawa tidak ada apa yang mustahil untuk dikecapi jika mahu berusaha dan ikhlas.

“Dengan ilmu yang ada ini, kami berharap dapat menolong keluarga di samping membantu diri sendiri menjadi insan yang berpengetahuan,” kata kedua-duanya.



DR. Nik Mustapha R. Abdullah (kanan) berbual dengan dua pelajar dari Bangladesh yang juga pasangan suami isteri, Rakibul Islam (kiri sekali) dan Farhana Yasmin pada Majlis Melafaz Ikrar Pelajar Baru di UPM, Serdang, kelmarin.

UPM terima 2,010 pelajar baru sesi 2009/2010

KUALA LUMPUR 21 Ogos – Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima kemasukan 2,010 pelajar baru di peringkat pengajian siswazah semester pertama bagi sesi 2009/2010.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, jumlah itu merangkumi pelajar program sarjana dan Doktor Falsafah (PhD).

Katanya, dengan kemasukan baru berkenaan, pelajar pengajian siswazah di UPM kini berjumlah 8,585 orang.

“Ini adalah petunjuk yang baik bahawa UPM menjadi universiti pilihan pengajian lepasan ijazah serta bagi mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

“Setiap pelajar harus mempertahankan status UPM sebagai universiti penyelidikan dengan menyumbangkan penerbitan berkualiti, pengkomersialan produk penyelidikan dan penerimaan geran,” katanya.

Beliau berucap pada majlis bacaan ikrar pelajar siswazah semester pertama sesi 2009/2010 di Dewan Banquet UPM di Serdang dekat sini semalam.

Antara yang mengikuti bacaan ikrar ialah satu-satunya pelajar orang kurang upaya (OKU) yang mengikuti pengajian peringkat sarjana, Nurul

Atikah Salim, 22.

Dia yang cacat kedua-dua belah kaki sejak lahir bagaimanapun masih mampu berjalan.

“Saya tidak anggap kecacatan saya sebagai halangan, malah ia memberi semangat dan dorongan untuk berusaha lebih gigih bagi membuktikan keupayaan mencari ilmu di peringkat tertinggi.

“Sebenarnya, saya telah merancang dari awal untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana, tidak mustahil suatu hari nanti saya akan melanjutkan pelajaran di peringkat PhD pula,” katanya yang mengambil Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA).

Turut mengambil MBA ialah dua beradik iaitu Yong Hua Long, 32, dan adiknya, Anne Yong Ing Ing, 23, dari Sibul, Sarawak.

“Setelah mempunyai ijazah sarjana muda, kami sambung pula ke peringkat sarjana, kami ingin buktikan bahawa tidak ada apa yang mustahil untuk dikecapi jika mahu berusaha dan ikhlas.

“Dengan ilmu yang ada ini, kami berharap dapat menolong keluarga di samping membantu diri sendiri menjadi insan yang berpengetahuan,” kata kedua-duanya.



DR. Nik Mustapha R. Abdullah (kanan) berbual dengan dua pelajar dari Bangladesh yang juga pasangan suami isteri, Rakibul Islam (kiri sekali) dan Farhana Yasmin pada Majlis Melafaz Ikrar Pelajar Baru di UPM, Serdang, kelmarin.